



لجرا لالرا رالرا رالرا مالالرا

MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

Peti Surat 59,  
35900 Tanjong Malim,  
PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-4563410

05-4563420

Faks : 05-4563430

05-4563440

Laman : <http://www.mdtm.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : Bil( 29 )d/m.MDTM(TEK)(WARAN) 03/16

Tarikh : 20 Syawal 1437H

25 Julai

2016

### KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah di pelawa dari Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja seperti berikut:-

NO. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN TERMASUK GST
SH 32/2016	Cadangan Menaiktaraf Laluan Pejalan Kaki Lorong Belakang di Sebahagian Kawasan Bandar Tanjong Malim	Berdaftar Dengan CIDB Gred G1, Kategori B, Pengkhususan B04 Negeri Perak Bumiputera	RM 31.80
SH 33/2016	Cadangan Membaikpulih Dinding Bangunan Lorong Belakang di Sebahagian Kawasan Bandar Tanjong Malim	Berdaftar Dengan CIDB Gred G2, Kategori B, Pengkhususan B04 Negeri Perak Bumiputera	RM 53.00
SH 34/2016	Cadangan Menaiktaraf Lampu Jalan dan Feeder Pillar di Sebahagian Kawasan Bandar Tanjong Malim	Berdaftar Dengan CIDB Gred G1/G2 Kategori ME, Pengkhususan E16 & E17 Negeri Perak Bumiputera	RM 53.00
SH 35/2016	Cadangan Kerja-Kerja Mural Dinding Bangunan Lorong Belakang di Sebahagian Kawasan Bandar Tanjong Malim	Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Kod Bidang Perkhidmatan Untuk Kerja-Kerja Pengindahan Bangunan/ Hiasan Dalaman (221401)	RM 53.00
SH 36/2016	Cadangan Pembangunan Landskap Persekitaran Kehidupan Kampung Kubu di Tanjong Malim	Berdaftar Dengan CIDB Gred G2, Kategori B & CE, Pengkhususan B09 & CE14 Negeri Perak Bumiputera	RM 53.00

2. Naskah meja tawaran akan dipamerkan di Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim dari 1 Ogos 2016 hingga 9 Ogos 2016 semasa waktu pejabat.

3. Dokumen tawaran akan dijual mulai 1 Ogos 2016 hingga 9 Ogos 2016 mengikut waktu pembayaran seperti berikut:-

ISNIN – KHAMIS	
Pagi	: 8.15 pagi – 12.45 tengahari
Petang	: 2.15 petang – 4.30 petang

JUMAAT	
Pagi	: 8.15 pagi – 12.00 tengahari
Petang	: 3.00 petang – 4.30 petang

Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tarikh dan waktu dinyatakan ini.

4. Penyebut harga yang berminat adalah diwajibkan menyertai satu lawatan tapak yang akan diadakan pada 1 Ogos 2016 (Isnin) bertempat di Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim, Behrang 2020, jam 10.00 pagi. Penyebutharga diwajibkan membawa bersama salinan asal (termasuk satu salinan fotostat) Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB), Sijil Taraf Bumiputera (PKK) dan surat wakil (jika berkenaan). Hanya penyebutharga yang berkeelayakan sahaja dibenarkan menyertai lawatan tapak dan wakil tidak dibenarkan.

5. Pembayaran dokumen tawaran hendaklah berbentuk tunai, bank draf atau wang kiriman pos di buat atas nama Yang Dipertua, Majlis Daerah Tanjong Malim. Salinan asal (termasuk satu salinan fotostat) sijil CIDB dan PKK diperlukan semasa mengambil dokumen tawaran. Tawaran hendaklah di buat di atas dokumen tawaran yang diambil daripada Majlis Daerah Tanjong Malim.

6. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan nombor tawaran di penjurus sebelah kiri dan dimasukkan ke dalam peti tawaran di Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim pada atau sebelum 9 Ogos 2016 (Selasa) jam 12.00 tengahari. Sebarang tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan akan ditolak.

7. Majlis ini tidak tertakluk untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran tertentu.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
**(ABD RAHMAN BIN GHAZALI.,PPT)**

Jurutera

b.p Yang Dipertua

Majlis Daerah Tanjong Malim

sk Yang Dipertua  
Majlis Daerah Tanjong Malim

Setiausaha  
Majlis Daerah Tanjong Malim

**“PEMBUDAYAAN INOVASI, PEMANTAPAN PRESTASI”**